

Keadaan Hak Asasi Manusia di Malaysia 2023/24

LAPORAN GLOBAL PENUH “THE STATE OF THE WORLD’S HUMAN RIGHTS” BOLEH DIBACA DI SINI

Malaysia

Kerajaan gagal memenuhi komitmen untuk memperbaharui undang-undang yang menyekat hak kebebasan bersuara dan terus mengguna pakai undang-undang yang menindas untuk menyenyapkan suara kritis dan menghalang protes secara aman. Layanan keras terhadap pelarian dan migran masih berterusan, termasuk penahanan tanpa had tempoh tertentu dan penghantaran pulang secara paksa yang melanggar prinsip non-refoulement. Kematian dalam tahanan terus direkodkan. Hukuman mati mandatori telah dimansuhkan, dan 1,020 banduan hukuman mati layak untuk dihukum semula.

Kebebasan bersuara

Kerajaan tidak bertindak atas komitmen yang dibuat semasa kempen pilihan raya umum pada tahun 2022 untuk memperbaharui undang-undang yang menyekat kebebasan bersuara dan menerima pakai Akta Kebebasan Maklumat.

Pihak berkuasa terus menggunakan undang-undang yang menindas – termasuk Akta Komunikasi dan Multimedia; peruntukan Kanun Keseksaan yang berkaitan dengan menyebabkan perpecahan atau kebencian atas alasan agama dan ketakutan atau kegusaran awam; dan Akta Hasutan – untuk menyenyapkan suara kritis di dalam dan di luar talian. Pada bulan Mac, polis menyoal pengarah, penerbit dan empat lagi yang terlibat dalam pembikinan filem tentang seorang wanita yang meneroka konsep akhirat. Filem tersebut yang dikritik pegawai kerajaan dan kumpulan agama telah diharamkan pada bulan September. Pada akhir tahun,^[i] siasatan polis masih berterusan.

Pada 16 Oktober, Kean Wong, editor buku *Kelahiran Semula: Reformasi, Penentangan, dan Harapan di Malaysia Baharu* yang diharamkan pada 2020, telah ditangkap di bawah Akta Hasutan 1948. Beliau dibebaskan selepas dua hari namun siasatan masih berterusan.^[ii]

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan semakin digunakan untuk menyekat hak kebebasan bersuara golongan LGBTI. Pada bulan Februari, Kementerian Dalam Negeri mengharamkan tiga buah buku kerana kandungan yang “tidak bermoral” dan mempromosikan “gaya hidup LGBTI”. Pada bulan Mei, kementerian telah merampas dan seterusnya mengharamkan produk bertema LGBTI keluaran sebuah syarikat jam tangan antarabangsa, sekali gus memperkenalkan hukuman baharu iaitu penjara sehingga tiga tahun kerana menjual atau memakainya.

Kebebasan berhimpun

Pihak berkuasa terus menggunakan Akta Perhimpunan Aman (PAA), Kanun Keseksaan dan Akta Kesalahan Kecil untuk menyekat hak protes secara aman.

Pada bulan Mac, polis menyoal tujuh penganjur dan peserta di bawah PAA dan Akta Kesalahan Kecil mengenai penglibatan mereka dalam *Women’s March Malaysia* yang berlangsung sempena Hari Wanita Antarabangsa.

Pada bulan Mei, polis menyoal penganjur dua perhimpunan Hari Pekerja yang berasingan, juga di bawah PAA.

Pada bulan Julai, polis menahan lapan ahli minoriti agama Ahmadi yang dianiaya secara meluas, kerana menyertai perhimpunan menyokong hak LGBTI. Kesemuanya dibebaskan selepas sehari, namun masih dalam siasatan.

Hak pelarian dan migran

Terdapat dakwaan berterusan mengenai pencabulan hak asasi manusia di pusat tahanan imigresen di mana pelarian dan migran ditahan tanpa had tempoh tertentu. Pada bulan Februari, kumpulan hak asasi manusia menggesa siasatan dijalankan berhubung keadaan di pusat-pusat tahanan selepas kerajaan mendedahkan kematian 150 warga asing, termasuk tujuh kanak-kanak dan 25 wanita pada tahun 2022. Pada bulan Disember, pihak berkuasa mendedahkan bahawa 12,400 orang, termasuk 1,400 kanak-kanak, ditahan di pusat tahanan imigresen. Pengumuman pada bulan Ogos bahawa 80 kanak-kanak dan ibu bapa atau penjaga mereka akan dipindahkan ke kemudahan sementara yang “lebih kondusif untuk penjagaan mereka” telah dikritik oleh kumpulan hak asasi manusia kerana ia merupakan penahanan tanpa had tempoh tertentu.

Pada bulan Januari, pihak berkuasa telah menghantar pulang secara paksa 114 orang dewasa dan kanak-kanak ke Myanmar di mana mereka berhadapan dengan risiko pencabulan hak asasi manusia yang serius. Amnesty International Malaysia dan Asylum Access Malaysia mencabar melalui semakan kehakiman untuk menghalang pengusiran mereka ke Myanmar.^[iii]

Pada bulan April, kerajaan mengumumkan bahawa ia sedang menyiasat ketibaan ratusan pekerja asing yang, walaupun telah membayar yuran yang sangat tinggi kepada pengantara, tidak mempunyai pekerjaan dan oleh itu terdedah kepada kerja paksa. Pada bulan Disember, polis menahan lebih 1,000 orang dalam serbuan yang menyasarkan migran tanpa dokumen di ibu negara, Kuala Lumpur; 171 pekerja migran ditahan ketika cuba membuat aduan kepada polis di Johor terhadap kegagalan ejen mereka menyediakan pekerjaan yang dijanjikan.

Dalam suatu kes yang disyaki kehilangan paksa, pelarian dan aktivis Myanmar, Thuzar Maung, suaminya Saw Than Tin Win dan tiga kanak-kanak telah diculik oleh beberapa orang yang tidak dikenali dari rumah mereka di Selangor. Siasatan polis telah dibuka, namun mereka masih belum ditemui.^[iv]

Hukuman mati

Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023, yang berkuat kuasa pada Julai, memansuhkan sepenuhnya hukuman mati bagi tujuh kesalahan dan memperkenalkan hukuman berdasarkan budi bicara bagi semua kesalahan yang dikenakan hukuman mati mandatori. Syarat penjara 30 hingga 40 tahun dan sebat, yang melanggar larangan penyeksaan dan layanan atau hukuman lain yang kejam, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah, telah diperkenalkan sebagai hukuman alternatif kepada hukuman mati berdasarkan budi bicara dan menggantikan hukuman penjara seumur hidup.^[v]

Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 yang mula berkuat kuasa pada 12 September membolehkan semua individu yang dijatuhi hukuman mati, atau pemenjaraan sepanjang hayat, dan yang hukumannya dikekalkan oleh Mahkamah Persekutuan, memohon supaya hukuman mereka dikaji semula. Seramai 1,020 orang layak memohon di bawah Akta tersebut.^[vi]

Moratorium ke atas hukuman mati yang ditubuhkan pada 2018 kekal dilaksanakan, namun mahkamah terus menjatuhkan hukuman mati bagi kesalahan di mana ia merupakan hukuman terpakai.

Penyeksaan dan penganiayaan lain

Sekurang-kurangnya 13 orang, termasuk tiga warga asing, mati dalam tahanan polis.

Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis menubuhkan sebuah badan yang telah berkuat kuasa pada 18 Oktober bagi tujuan mengawas dan menyiasat salah laku polis biarpun suruhanjaya dikritik kerana tidak bebas sepenuhnya dari segi kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.^[vii]

Hak Orang Asal

Ladang kelapa sawit, pembalakan dan pembinaan empangan terus mengancam tanah dan mata pencarian Orang Asal. Pada bulan April lalu, tujuh anggota Orang Asli Temoq telah mencabar keputusan kerajaan melalui kuasa perundangan kerana meluluskan laporan penilaian kesan alam sekitar berhubung cadangan projek minyak sawit di daerah Rompin, Pahang. Cabaran tersebut mendakwa kerajaan gagal mengambil kira bagaimana projek itu melanggar hak mereka terhadap persekitaran yang bersih, selamat dan mampan.

Hak kepada persekitaran yang sihat

Pada bulan Februari, kerajaan mengumumkan bahawa ia memerlukan dua hingga tiga tahun untuk membangunkan rang undang-undang perubahan iklim negara yang dijangka menggubal undang-undang bagi tindakan mitigasi perubahan iklim, walaupun telah berjanji untuk memuktamadkannya menjelang akhir tahun 2022.